

D828

U B164 AAB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYELAR GOLONGAN YANG MUDAH PANIK APABILA BERDEPAN DENGAN MASALAH SEPERTI KEMELESETAN EKONOMI.

KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE 16, PARTI GERAKAN DI SINI HARI INI, BELIAU MEMBIDAS MEREKA YANG CUMA MENJADI +WARGANEGARA KETIKA NEGARA BERCUACA ELOK+ DAN MARAH PULA APABILA KETAATAN MEREKA DIPERSOALKAN.

KATANYA RAKYAT MALAYSIA HARUS MENERIMA +YANG BAIK BERSAMA-SAMA YANG BURUK+ SERTA JANGAN MENYALAHKAN ORANG LAIN ATAU DASAR KERAJAAN KERANA SESUATU MASALAH SEPERTI KEMELESETAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG PENTING IALAH RAKYAT TIDAK MUDAH KECEWA DAN MENGHINDARI REAKSI YANG PANIK DAN MEMBUTA-TULI KERANA CARA DEMIKIAN CUMA AKAN MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN.

BELIAU MENEGASKAN PARA PEMIMPIN PARTI GERAKAN, SEPERTI JUGA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL LAIN BERTANGGUNGJAWAB MENJELASKAN KEADAAN SEBENAR KEPADA RAKYAT. -- LAGI
1259MST 06 06 87

D835

U B169 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA MUDAH TERPENGARUH DENGAN KHABAR-KHABAR ANGIN OLEH ANASIR-ANASIR ANTI-NASIONAL, YANG BERNIAT MENERUHKAN SEMULA SUABANA EKONOMI NEGARA.

SEBALIKNYA RAKYAT HARUS MENARUH KEYAKINAN DAN MENELITI BEBERAPA FAKTA YANG JITU MENGENAI EKONOMI MALAYSIA SERTA MENANGKIS KHABAR-KHABAR ANGIN ITU, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT HARUS BERSYUKUR SERTA BERBANGGA DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA AKHIR-AKHIR INI. INI TERMASUK HAKIKAT BAHAWA:

+ HARGA BARANGAN MALAYSIA SERTA PELABURAN DARI DALAM DAN LUAR NEGERI MENINGKAT SEMULA=

+ KEYAKINAN TERHADAP IKLIM EKONOMI NEGARA SEMAKIN MENEBAL=

+ IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA TAHUN LALU MENCATATKAN LEBIHAN \$4,131 JUTA= DAN

+ PERTAMBAHAN SEBANYAK \$3,883 JUTA, RIZAB ANTARABANGSA BANK NEGARA TAHUN LALU DARIPADA JUMLAH TAHUN 1985. -- LAGI
1320MST 06 06 87

D840

U B172 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PERTAMBAHAN SEBANYAK \$3,883 JUTA RIZAB ANTARABANGSA BANK NEGARA MENJADIKAN RIZAB ITU BERJUMLAH KIRA-KIRA \$16,358 JUTA.

JUMLAH ITU MERUPAKAN YANG TERTINGGI PERNAH DICAPAI OLEH NEGARA SEJAK HAMPPIR 30 TAHUN MERDEKA, KATANYA.

JUMLAH RIZAB ITU BERSAMAAN DENGAN KEUPAYAAN NEGARA MENGIMPORT SELAMA 7.1 BULAN, SEDANGKAN RIZAB PADA PENGHUJUNG TAHUN 1985 CUMA BOLEH MENAMPUNG IMPORT SELAMA LIMA BULAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA SATU MASA RIZAB NEGARA PERNAH TURUN SEHINGGA CUMA MAMPU MENAMPUNG IMPORT UNTUK 3.5 BULAN.

KATANYA LAGI, LEBIHAN IMBANGAN PEMBAYARAN SEBANYAK \$4,131 JUTA TAHUN LALU IAITU PERTAMBAHAN \$922 JUTA DARIPADA TAHUN SEBELUMNYA, JUGA SATU REKOD DAN YANG TERTINGGI PERNAH DICATATKAN. -- LAGI
1333MST 06 06 87

0849

U B175 AAB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DUA STRATEGI -- MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN BAHAN MENTAH DAN TUMPUAN KEPADA BIDANG PEMBUATAN -- DILAKSANAKAN BAGI MENGATASI KESAN KURANG LARIS EKSPORT BAHAN MENTAH.

BELIAU BERKATA WALAUPUN KERAJAAN MEMBENARKAN NILAI RINGGIT JATUH SEDIKIT UNTUK MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN, RINGGIT YANG MURAH BOLEH MENINGKATKAN PULA KOS BAHAN IMPORT UNTUK PEMBUATAN.

WALAUPUN PENURUNAN KADAR FAEDAH BOLEH MEMBANTU, YANG TERPENTING IALAH KECEKAPAN PARA PENGURUS MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI YAKIN NEGARA AKHIRNYA AKAN MENCAPI TAHAP +OPTIMUM MIX+ ANTARA EKPORT BAHAN MENTAH DENGAN EKSPORT BARANG BUATAN.

WALAUPUN KEPAKARAN DALAM BIDANG PEMBUATAN TERHAD, INI DIATASI SECARA USAHASAMA DENGAN PEDAGANG-PEDAGANG ASING DAN ADA TANDA-TANDA BAHAWA KEMAMPUAN NEGARA DALAM BIDANG ITU TELAH MENINGKAT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA CARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI IALAH MENGAJINYA DENGAN TENANG, MENENTUKAN SEBAB-SEBAB SEBENAR BERTA MENYUSUN LANGKAH MENGATASINYA. -- BERNAMA

1404MST 06 06 87